

## DAP umum empat calon Parlimen Pahang, Rara taruhan di Bentong

Oleh ASLINDA NASIR, 26 Oktober 2022, 12:24 pm



YOUNG SYEFURA OTHMAN

KUALA LUMPUR: DAP hari ini mengumumkan empat calon di parlimen Pahang, termasuklah Young Syefura Othman dipertaruhkan di Bentong bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Setiausaha Agungnya, Anthony Loke berkata, tiga calon lain yang diumumkan ialah Chow Yu Hui dipertaruhkan di parlimen Raub, Chiong Yoke Keong (Cameron Highlands) manakala Tengku Zulpuri Shah Raja Puji (Lipis).

Bagaimanapun, menurut beliau, Zulpuri akan turut bertanding di sebuah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang akan diumumkan minggu hadapan.

“Lipis kerusi majoriti pengundi Melayu yang selama ini kuat UMNO dan kali ini kita diberi tanggungjawab, kerusi ini satu langkah penting untuk DAP menerokai kawasan UMNO dan kita akan letakkan calon yang kuat.

“Zulpuri juga diberi pengecualian bertanding di DUN, beliau merupakan satu-satunya calon yang bertanding dua kerusi untuk DAP, parlimen Lipis dan DUN yang akan diumumkan pada minggu hadapan” katanya pada sidang media di ibu pejabat DAP, hari ini.

Di parlimen Cameron Highlands, Loke berkata, DAP kalah tipis pada PRU14 dan Pakatan Harapan (PH) sekali lagi memberi tanggungjawab kepada DAP untuk memenangkan kerusi tersebut dengan meletakkan calon yang mempunyai pengalaman yang sebelum ini berkhidmat sebagai ADUN Tanah Rata.

*YU HUI*

Begitu juga Chow Yu Hui yang sebelum ini penyandang ADUN Teras, kali ini diletakkan di peringkat Parlimen iaitu di Raub.

Mengulas lanjut mengenai pencalonan pertama Rara di peringkat parlimen, Loke berkata, DAP pusat meletakkan sepenuh kepercayaan kepada beliau yang merupakan calon muda, berusia 33 tahun dan mempunyai rekod baik ketika menjadi ADUN Ketari sebelum ini.

“Rara merupakan ahli parlimen wanita Melayu pertama DAP. Dan saya menaruh kepercayaan kepada beliau telah berkhidmat di kawasan tersebut selama lima tahun dan *track* rekod yang baik pengundi beliau di DUN Ketari. Itu antara faktor beliau boleh membantu parti untuk menang di parlimen itu.

“Keputusan itu bukan hanya berdasarkan pemerhatian, tetapi juga ada buat survey dan kita percaya beliau adalah *winnable candidate* di situ,” kata Loke lagi. Dalam pada itu, Loke turut berkata, Rara akan dibantu Teresa Kok selaku Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) mentor di parlimen itu, sementara Loke sendiri akan menjadi CEC di tiga parlimen iaitu Lipis, Raub dan Cameron Highlands. – UTUSAN